

Pemisahan kaum di sekolah, universiti tidak akan dibiarkan — Dr. M

14 AUG 2002

KUALA LUMPUR 13 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan membiarkan pemisahan antara kaum yang ketika ini berlaku di sekolah rendah, menengah dan universiti berterusan bagi mengelak rusuhan tercetus pada masa depan.

Tegas Perdana Menteri, walaupun sesuatu kaum boleh mengekalkan budaya keturunan masing-masing, ia bagaimanapun tidak boleh tulen dan eksklusif.

Sebaliknya, kata beliau, unsur kaum lain mesti terdapat dalam budaya semua kaum sebagai tonggak menentukan identiti bangsa Malaysia.

Beliau menarik perhatian jika bahasa kaum tertentu digunakan secara eksklusif terutama dalam dalam bidang sains dan matematik, maka sesebuah ins-

titusi termasuk universiti akan tertutup kepada kaum-kaum lain.

Tegas beliau, seseorang itu sebenarnya boleh mengekalkan identiti kaumnya walaupun bercakap atau berhujah dalam bahasa lain terutama Inggeris.

"Jika kerana penggunaan bahasa ibunda kaum tertentu menghalang kemasukan kaum lain dalam mana-mana universiti, maka integrasi kaum akan menjadi lebih sukar.

"Sebab itulah kita tidak dapat terima lebih banyak kelainan dalam sekolah-sekolah di Malaysia. Puak yang menuntut supaya identiti kaumnya tidak boleh dicemar akan hanya menyebabkan kaum lain pula membuat tuntutan yang sama.

"Apabila kesemua pihak berdegil dan membelakangkan kepentingan negara amnya maka

perpaduan dan keharmonian yang telah lama kita berjaya tegakkan, akan rosak dan hancur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di Setapak dekat sini hari ini.

Sistem

UTAR, yang dikendalikan oleh MCA telah memulakan pengajiannya Mei lalu di kampus sementara di Petaling Jaya.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia sebenarnya adalah satu-satunya negara di dunia yang terdapat sekolah pelbagai bahasa yang dibiayai oleh kerajaan.

Tegasnya, tidak ada negara yang maju atau tidak maju yang membenarkan dan menyokong sistem persekolahan yang pelbagai jenis dan bahasa.

"Kita benarkan sistem pelbagai bahasa ini kerana kita lebih toleran daripada mana-mana bangsa dan negara.

"Tetapi kita sedar dengan adanya sekolah pelbagai bahasa ini, integrasi dan perpaduan kaum di negara ini terjejas dan menjadi tidak mudah," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, rakyat berbilang kaum di negara ini bernasib baik kerana sehingga kini kepimpinan kerajaan terdiri daripada tokoh-tokoh yang biasa bercampur gaul dengan kaum lain.

Oleh itu, katanya, usaha mesti dibuat supaya di universiti, penuntutnya akan terdiri daripada semua kaum.

Beliau menarik perhatian bahawa ketika ini, penuntut di universiti mengasingkan diri mengikut kaum.

■ Lihat muka 4

Pemisahan kaum di sekolah, universiti tidak akan dibiarkan — Dr. M

"Mereka tidak tinggal dalam 'dormitory' atau bilik bersama. Di dewan kuliah, di padang permainan, aktiviti tambahan dalam dewan-dewan lain, mereka duduk berasingan.

"Keadaan ini tidak sihat dan berbahaya bagi masa depan negara. Hakikatnya ialah apabila mereka keluar universiti untuk bekerja, mereka akan bertemu dengan masyarakat berbilang kaum yang berbeza daripada masyarakat dalam universiti," katanya.

Justeru, tegas Perdana Menteri, usaha secara pro-aktif perlu dibuat bagi merapatkan hubungan antara penuntut pelbagai kaum di universiti.

Kata beliau: "Sepatutnya, tiap universiti mengadakan kelab antara kaum yang bergiat dalam bidang sosial, sukan dan lawatan pelajaran.

"Kepimpinan dan penyertaan kelab-kelab ini mestilah daripada semua kaum dan mereka boleh adakan kursus berkenaan adat resam, pantang larang dan sensitiviti masing-masing kaum."

Dalam hubungan ini, kata Dr. Mahathir, kerajaan akan memberi galakan dan hadiah tertentu kepada kelab yang berjaya disertai semua kaum, mempunyai rekod yang baik serta mencipta cara-cara merapatkan hubungan lebih erat.

Tambah beliau, UTAR yang dilancarkan hari ini sebenarnya mempunyai peranan yang lebih besar dalam mengeratkan hubungan pelajar pelbagai kaum.

Tegas beliau: "Ia adalah universiti swasta dan kita tahu universiti swasta biasanya tidak mempunyai ramai penuntut bumiputera.

"Usaha mesti dibuat untuk menarik seberapa ramai yang mungkin penuntut bumiputera."

Kata beliau, UTAR boleh mewujudkan sistem didikan dengan bahasa pengantar mesti memberi gambaran yang telah menjadikan Malaysia masyhur - Malaysia satu-satunya negara berbilang kaum yang aman dan stabil dengan kemajuan tidak diganggu oleh sikap tidak toleran rakyatnya.

Ketika ditemui pemberita kemudiannya, Dr. Mahathir turut mendedahkan ada pentadbiran universiti kurang berusaha untuk merapatkan hubungan penuntut pelbagai kaum di institusi mereka.

Malahan, menurutnya, ada kakitangan universiti sendiri bertindak merenggangkan hubungan antara pelajar berbeza keturunan.

Tegasnya, meskipun kerajaan cuba mengeratkan hubungan antara kaum dengan pelaksanaan sistem pendidikan

kebangsaan, ia jelas gagal disebabkan orang tertentu menyelewengkan dasar-dasar tersebut.

"Sekarang ini, kita dapati jarak antara kaum lebih jauh dari dulu.

"Ada orang yang bekerja di universiti yang bukan sahaja tak pupuk persahabatan antara kaum tetapi mereka membuat perkara yang menyebabkan kaum-kaum semakin lama semakin mengasingkan diri," katanya.

Menurut Dr. Mahathir lagi, hubungan antara kaum di universiti semakin merosot sedangkan sepatutnya ia semakin rapat.

Tegasnya, antara alasan yang digunakan untuk merenggangkan hubungan pelajar berlainan kaum adalah agama.

Ini membawa sehingga kepada cara berpakaian.

"Kita nak kawal tetapi di universiti ada pihak yang sengaja buat yang berbeza daripada dasar-dasar kerajaan.

"Kita cuba nak cantum bagi semua kaum lebih rapat (tetapi) mereka cuba merenggangkan kaum dengan macam-macam cara," katanya.